

# Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul Surah al-Baqarah (2: 87-92)

Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Teknologi Malaysia  
qamar@utm.my

## Suggested Citation:

Jasmi, Kamarul Azmi (2021). *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Siri Buku Tafsir Sempena Budaya al-Quran. Siri 16. Johor Bahru: Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia. ISBN 978-967-2171-84-3.

## Abstract

*Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul, Surah al-Baqarah (2: 87-92), Siri 16* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Sikap sebenar kaum Bani Israil disingkap oleh Allah SWT dengan penjelasan bahawa kaum ini sama sekali tidak akan ingin untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW sekalipun dibentangkan pelbagai bukti kenabian. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 87-92) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat pengajaran penting yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia iaitu sebab utama kaum Bani Israil menjadi penentang tegar para nabi; pengutusan Nabi Isa AS kepada kaum Bani Israil dan penentangan mereka; perbezaan antara keyakinan Bani Israil dan tindakan mereka terhadap pengutusan Nabi Muhammad SAW; dan Roh al-Qudus dalam syariat Nabi Muhammad SAW.

## References

- Al-Asbahani, Ahmad. 2006. *Al-Tibb al-Nabawi*. Mustafa Khidr Duanamaz al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-2. T.T.P.: Dar Ibn Hazam.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 1991. *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athar*. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji (Ed.). Jld. 1-15. Damsyiq: Dar Qutaybah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003a. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad 'Abd al-Qadir 'Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.

- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003b. *Sha'b al-Iman*. 'Abd al-'Ali 'Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi'.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2009. *Al-Asma' wa al-Sifat li al-Bayhaqi*. 'Abdullah bin Muhammad Al-Hashidi (Ed.). Jld. 1-2. Jedah, Saudi Arabia: Maktabah al-Sawadi.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa'ad, 'Adil, & Sabri al-Shafi'i 'Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-'Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bughawi, Al-Husain Mas'ud. 1983. *Sharh al-Sunnah*. Shu'aib Al-Arna'ut & Muhammad Zuhair Al-Shawish (Ed.). Jld. 1-15. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami' al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulullah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Muttarriz, al-Qasim. 2000. *Fawa'id Abi Bakr al-Qasim al-Muttarriz wa Amaliyyah*. (Dirasah wa Tahqiq) Nasir Muhammad al-Mani' (Ed.). T.T.P: Dar al-Watan li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shafi'i, Muhammad Idris. 2004. *Musnad al-Imam al-Shafii (Tertib Sanjar)*. Mahir Yasin Fahl (Ed.). Al-Kuwait: Sharikat Guras li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu'jam al-Kabir*. Hamdi 'Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.
- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashar 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Zamkhasari, Mahmud. 1987. *Al-Kashshaf 'an Haqa'iq Gawamidi al-Tanzil*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiyy.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf. 1994. *Jami' Bayan al-Ilm wa Fadlihi*. Abu al-Ashbal al-Zahiri (Ed.). Jld. 1-2. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzi.

- Ibn Abi Shaybah, Abu Bakr 'Abdullah. 1988. *Musannif ibn Abu Shaybah*. Kamal Yusuf Al-Hut (Ed.). Jld. 1-7. Al-Riyad: Al-Maktabah al-Rushd.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Bittah, Abu 'Abdullah. 1994. *Al-Ibanah al-Kubra li Ibn Bittah*. 'Abdullah Yusuf (Ed.). Jld. 6. Al-Riyad: Dar al-Rayah li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ja'far al-Madani, Isma'il. 1998. *Hadith 'Ali bin Hajar al-Sa'adi 'an Isma'il bin Ja'far al-Madani*. 'Umar bin Rafud bin Rafid al-Sufyani (Ed.). Jld. 1. Al-Riyad: Maktabah al-Rusd li al-Nasr wa al-Tawzi' & Sharikat al-Riyad li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Al-Baqarah (2: 6-16)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Kaum Bani Israil dan Balasan Keingkaran: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 20 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018e. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 50-57)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018f. *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 27hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 31 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 1 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Jld. 16. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Jld. 15. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.



**SIRI BUKU TAFSIR  
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 16  
Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul  
Surah *al-Baqarah* (2: 87-92)**

**Kamarul Azmi Jasmi**



**SIRI BUKU TAFSIR  
SEMPENA BUDAYA AL-QURAN**

**Siri 16  
Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul  
Surah al-Baqarah (2: 87-92)**

Kamarul Azmi Jasmi

Edisi Pertama Julai 2021  
©KAMARUL AZMI JASMI 2021

Hak cipta terbuka. Dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara apa jua sama ada dengan cara elektronik, fotokopi, mekanik, atau cara lain dengan memberi kredit rujukan kepada penulis dan Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 UTM Johor Bahru, Johor Darul Ta'zim, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Kamarul Azmi Jasmi

BANI ISRAIL DAN PENGUTUSAN PARA RASUL : SURAH AL-BAQARAH  
(2:87-92) / Kamarul Azmi Jasmi.

(SIRI BUKU TAFSIR SEMPENA BUDAYA AL-QURAN ; SIRI 16)

ISBN 978-967-2171-84-3

1. Qur'an. Surat al-Baqarah-Criticism, interpretation, etc.
2. Qur'an-Criticism, interpretation, etc.
3. Qur'an-Translating.
4. Government publications-Malaysia.

I. Judul. II. Siri.

297.1229

Kulit dan Pengatur huruf oleh / *Typeset by*

KAMARUL AZMI JASMI  
Fakulti Tamadun Islam  
UTM, Johor Bahru

Diterbitkan di Malaysia oleh / *Published in Malaysia by*

AKADEMI TAMADUN ISLAM  
FAKULTI SAINS SOSIAL DAN KEMANUSIAAN  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA,  
81310 UTM Johor Bahru,  
Johor Darul Ta'zim, MALAYSIA.

# KANDUNGAN

<b>Prakata</b>	v
<b>Pengenalan</b>	1
<b>Tafsiran Ayat</b>	4
Al-Baqarah (2: 87)	4
Al-Baqarah (2: 88)	18
Al-Baqarah (2: 89)	22
Al-Baqarah (2: 90)	26
<i>Al-Baqarah</i> (2: 91-92)	30
<b>Pengajaran Ayat</b>	34
Sebab Utama Kaum Bani Israil Menjadi Penentang Tegar Para Nabi	35
Pengutusan Nabi Isa AS kepada Kaum Bani Israil dan Penentangan Mereka	36
Perbezaan Antara Keyakinan Bani Israil dan Tindakan Kaum Bani Israil terhadap Pengutusan Nabi Muhammad SAW	37
Roh al-Qudus dalam Syariat Nabi Muhammad SAW	39
<b>Rumusan</b>	40
<b>Rujukan</b>	40
<b>Indeks</b>	45
<b>Biodata Penulis</b>	46



## PRAKATA

Segala puji bagi Allah SWT dan selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah SAW, ahli keluarga baginda, dan para sahabatnya.

Penulis mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana memberikan kekuatan kepada penulis untuk berkongsi pengetahuan daripada pengkajian dan pembacaan dalam bidang tafsir al-Quran. Pengkajian dan penulisan tafsir ini adalah bersempena dengan Program Budaya al-Quran (PBQ) yang dipertanggungjawabkan pada setiap minggu di Kolej Tun Fatimah, Universiti Teknologi Malaysia.

Tulisan ini akan menfokuskan kepada setiap surah dan ayat yang dibaca dan dibincangkan ketika sesi PBQ tersebut dengan melihat kepada beberapa aspek berikut:

- (1) Ayat al-Quran dan terjemahan.
- (2) Pengenalan. Bahagian ini yang menfokuskan latar belakang surah dan ayat sekiranya diperlukan
- (3) Tafsiran ayat.
- (4) Keutamaan surah dan ayat.
- (5) Pengajaran yang boleh diambil daripada surah dan ayat.
- (6) Rumusan.

Semua terjemahan al-Quran yang digunakan dalam buku ini menggunakan terjemahan tafsir Ustaz Abdullah Basmeih (1999) yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri dengan sedikit pengeditan daripada segi bahasa yang lebih terkini.

Manakala tafsiran ayat adalah menggunakan kaedah *tafsir bi al-ma'thur* dengan menjadikan kitab tafsir Ibn al-Kathir (1999) sebagai rujukan tafsir yang utama dan disokong pula dengan beberapa buku tafsir yang lain yang semuanya bersifat *turath al-Islami*. Pada bahagian

tafsir ini juga, penulis juga akan mentakhrijkan semua hadis yang dikeluarkan oleh imam hadis dengan mengikut gaya takhrij hadis yang diketengahkan oleh Imam al-Nawawi (1983, 1998) serta disertakan nombor hadis dan hanya memilih hadis yang pernah dibukukan oleh mana-mana imam hadis sebagai sebahagian daripada huraian tafsir.

Akhir sekali, pada bahagian pengajaran ayat, penulis akan menyimpulkan intipati ayat tentang aspek yang boleh dijadikan pengajaran kepada para pembaca sama ada dalam bentuk pengetahuan, pemahaman, dan pengamalan yang boleh diambil pengajaran dengan menjadikan rujukan yang dibincangkan dalam perbincangan kelebihan ayat dan tafsiran ayat sebagai hujah dan dalil terhadap pengajaran tersebut. Hal ini supaya pengajaran ayat tersebut tidak terkeluar daripada kaedah *tafsir bi al-Ma'thur* yang menjadi teras kepada kaedah penghuraian tafsir ini.

Harapan penulis dengan tulisan ini agar ilmu yang dikaji dan ditulis untuk sesi PBQ itu dapat dipanjangkan kepada masyarakat Melayu Islam di seluruh dunia. Tulisan ini tidak lain adalah untuk dimanfaatkan oleh umat Islam agar segala nasihat dan pesanan Allah SWT yang Maha Esa mampu diamalkan oleh umat Islam dalam kehidupan.

**Prof. Madya Dr. Kamarul Azmi Jasmi**  
Akademi Tamadun Islam  
Universiti Teknologi Malaysia  
2019

## PENGENALAN

Selepas Allah SWT menceritakan tentang perjanjian-Nya dengan kaum Bani Israil terhadap tujuh perkara, iaitu hanya menyembah Allah; berbuat baik kepada ibu bapa, kaum kerabat yang dekat, anak yatim, orang miskin; berkomunikasi dengan cara yang sopan dan lembut; mendirikan solat dan mengeluarkan zakat; serta tidak menumpahkan darah dan menghalau penduduk daripada tempat tinggal mereka (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019d, 2021b), Allah meneruskan perbicaraannya tentang sikap Bani Israil terhadap Rasul yang diutuskan oleh Allah SWT kepada mereka (Al-Sabuni, 1981; Jasmi, 2019b, 2021a). Firman-Nya:

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ  
 وَآتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيْتَ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ  
 أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَى أَنْفُسُكُمْ أَسْتَكْبَرْتُمْ  
 فَفَرِّقَا كَذَبْتُمْ وَفَرِّقَا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾ وَقَالُوا قُلُوبُنَا غُلْفٌ بَلْ لَعَنَهُمُ  
 اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾ وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ  
 مِنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ  
 يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا جَاءَهُمْ مَّا عَرَفُوا  
 كَفَرُوا بِهِ ۗ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ ﴿٨٩﴾ بِسْمَا أَشْرَوْا بِهِ ۗ  
 أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَغْيًا أَنْ يُنَزِّلَ اللَّهُ مِنْ

فَضْلِهِ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۖ فَبَاءُ وَبِغَضِبٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۚ  
 وَاللَّكَافِرِينَ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩١﴾ وَإِذْ قِيلَ لَهُمْ يَا مَنَاجِبَ مَا أَنْزَلَ  
 اللَّهُ قَالُوا تَأْوِينُ يَمَا أَنْزَلَ عَلَيْنَا وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَاءَهُ وَهُوَ  
 الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا لَمَعَهُمْ قُلْ فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلُ  
 إِنْ كُنْتُمْ مُّؤْمِنِينَ ﴿٩٢﴾ وَلَقَدْ جَاءَكُمْ مُوسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ  
 ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٩٣﴾

Maksud: Dan sesungguhnya Kami memberikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat, dan Kami iringi kemudian daripadanya dengan beberapa orang Rasul, dan Kami berikan kepada Nabi Isa bin Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan Roh al-Qudus (Jibril). Maka patutkah, setiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolakinya), sehingga sebahagian dari Rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya? (87) Dan mereka (kaum Yahudi) berkata pula, "Hati kami tertutup (tidak dapat menerima Islam)." (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup) bahkan Allah melaknatkan mereka disebabkan kekufuran mereka, oleh itu maka sedikit benar mereka yang beriman. (88) Dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab dari Allah (al-Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian),

*laknat Allah menimpa orang yang kafir ingkar itu. (89) Sejahterajabat perkara (yang mereka lakukan) ialah perbuatan mereka membeli kesenangan dirinya sendiri dengan mengingkari al-Quran yang diturunkan oleh Allah, kerana dengki bahawa Allah menurunkan dari limpah kurnia-Nya (wahyu) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya (iaitu Nabi Muhammad SAW). Dengan sebab itu sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah bertalu-talu, dan orang yang kafir itu akan beroleh azab sengsara yang menghinakan. (90) Dan apabila dikatakan kepada mereka, "Berimanlah kamu kepada apa yang diturunkan oleh Allah (kepada Nabi Muhammad)," mereka menjawab, "Kami hanya beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami (Taurat)." Dan mereka ingkarkan (Kitab) yang lain yang diturunkan kemudian daripadanya, padahal al-Quran itu benar lagi mengesahkan Kitab Taurat yang ada pada mereka. Katakanlah (wahai Muhammad), "Jika demikian mengapa kamu membunuh nabi Allah pada masa yang lalu kalaulah kamu benar-benar orang yang beriman?." (91) Dan sesungguhnya datang kepada kamu Nabi Musa membawa keterangan (mukjizat) kemudian kamu menyembah (patung) anak lembu sepeninggalannya, dan kamu (dengan perbuatan itu) adalah orang yang zalim. (92)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 87-92)

Buku ini akan membincangkan lima bahagian tafsiran ayat dengan pembahagian pertama *al-Baqarah* (2: 87). Kemudian diikuti dengan perbincangan tafsiran *al-Baqarah* (2: 88), *al-Baqarah* (2: 89), *al-Baqarah* (2: 90), dan *al-Baqarah* (2: 91-92). Pada bahagian akhir perbahasan buku akan dibincangkan pengajaran yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat.

## TAFSIRAN AYAT

Lima bahagian perbincangan tafsiran dengan pembahagian berikut, iaitu *al-Baqarah* (2: 87), *al-Baqarah* (2: 88), *al-Baqarah* (2: 89), *al-Baqarah* (2: 90), dan *al-Baqarah* (2: 91-92).

### AL-BAQARAH (2: 87)

Allah SWT memulakan berbincangan tentang pengutusan beberapa orang Rasul dalam kalangan Bani Israil. Dua orang Rasul yang besar terdiri daripada Nabi Musa AS dan Nabi Isa AS. Pengutusan Rasul-rasul ini pada hakikatnya diterima dengan rasa sombong kaum Bani Israil terhadap pengutusan mereka. Hal ini sebagaimana yang dijelaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ  
 بِالرُّسُلِ ۗ وَءَاتَيْنَا عِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ الْبَيِّنَاتِ وَأَيَّدْنَاهُ بِرُوحِ  
 الْقُدُسِ ۗ أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ  
 أَسْتَكْبَرْتُمْ ۖ فَفِرِّيقًا كَذَّبْتُمْ ۖ وَفِرِّيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

Maksud: *Dan sesungguhnya Kami memberikan kepada Nabi Musa Kitab Taurat, dan Kami iringi kemudian daripadanya dengan beberapa orang Rasul, dan Kami berikan kepada Nabi Isa bin Maryam beberapa mukjizat serta Kami teguhkan kebenarannya dengan Roh al-Qudus (Jibril). Maka patutkah, setiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolakinya), sehingga sebahagian dari Rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya? (87)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 87)

Berkata Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/321), Allah SWT mengecap kaum Bani Israil sebagai orang yang takbur, pengingkar yang tegar, penentang yang kuat, dan sangat sombong terhadap para nabi yang diutuskan. Mereka hanya mengikut hawa nafsu mereka sendiri dalam menerima pengutusan tersebut. Maka Allah SWT menyebutkan bahawa Dia memberikan kepada Musa sebuah kitab, iaitu kitab Taurat, tetapi mereka mengubah dan menggantinya serta menentang perintah yang terkandung dalamnya serta menakwilkannya dengan takwil yang tidak sepatutnya (Jasmi, 2019a). Kemudian Allah SWT mengiriskan para rasul dan para nabi sesudah Musa AS yang menjalankan hukum dengan syariat Nabi Musa AS, sebagaimana yang disebutkan dalam firman-Nya:

إِنَّا أَنْزَلْنَا التَّوْرَةَ فِيهَا هُدًى وَنُورٌ يَحْكُمُ بِهَا النَّبِيُّونَ  
الَّذِينَ اسْمَعُوا لِلَّذِينَ هَادُوا وَالرَّبَّيِّنُونَ وَالْأَخْبَارُ بِمَا  
اسْتَحْفَظُوا مِنْ كِتَابِ اللَّهِ وَكَانُوا عَلَيْهِ شُهَدَاءَ فَلَا  
تَخْشَوُا النَّاسَ وَآخِشُوا اللَّهَ وَلَا تَتَّبِعُوا بَيَاتِي تَمَنَّا قَلِيلًا  
وَمَنْ لَمْ يَحْكَمْ بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ فَأُولَئِكَ هُمُ الْكَافِرُونَ ﴿٤٤﴾

Maksud: Sesungguhnya Kami menurunkan Kitab Taurat, yang mengandungi petunjuk dan cahaya yang menerangi; dengan Kitab itu nabi yang menyerah diri (kepada Allah) menetapkan hukum bagi orang Yahudi, dan (dengannya juga) ulama mereka dan pendetanya (menjalankan hukum Allah), sebab mereka diamanahkan memelihara dan menjalankan hukum hakam dari Kitab Allah (Taurat) itu, dan mereka pula adalah menjadi penjaga dan pengawasnya (dari sebarang perubahan). Oleh itu, janganlah kamu takut kepada manusia tetapi hendaklah kamu takut kepada-Ku (dengan menjaga diri dari melakukan maksiat dan patuh akan perintah-Ku); dan janganlah kamu menjual (membelakangkan) ayat-Ku dengan harga yang sedikit (kerana

*mendapat rasuah, pangkat dan lain-lain keuntungan dunia); dan sesiapa yang tidak menghukum dengan apa yang diturunkan oleh Allah (kerana mengingkarinya), maka mereka itulah orang kafir. (44)*

(Surah *al-Ma'idah*, 5: 44)

Setelah Allah SWT menceritakan tentang Nabi Musa, Allah menyebut pula tentang nabi yang lain yang diutuskan selepas Nabi Musa tersebut. Firman-Nya:

وَقَفَّيْنَا مِنْ بَعْدِهِ بِالرُّسُلِ

Maksud: *Dan Kami iringi kemudian daripadanya dengan beberapa orang Rasul.*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 87)

Al-Suddi meriwayatkan dari Abu Malik sehubungan dengan makna *waqaffaina* (وَقَفَّيْنَا), yang bererti *attaba'na* (اتَّبَعْنَا), yang bermakna, "Kami menyusulinya." Sedangkan menurut yang lainnya ertinya ialah *ardafna* (أَرْدَفْنَا), iaitu "Kami mengiringinya." Pengertian ini sebagaimana pengertian yang terkandung dalam firman-Nya:

ثُمَّ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا تَتْرًا

*Kemudian Kami mengutus Rasul Kami silih berganti.*

(Surah *al-Mu'minun*, 23: 44)

Rasul-rasul diutus sehingga Rasul Bani Israil ditutup dengan terutusnya Nabi Isa bin Maryam. Isa AS datang membawa syariat yang sebahagian hukumnya bertentangan dengan apa yang terdapat dalam kitab Taurat.

Oleh kerana itu, Allah SWT memberinya berbagai jenis mukjizat untuk memperkuat dan memperkukuhkannya.

Ibn ‘Abbas RA menyatakan bahawa mukjizat Isa adalah menghidupkan kembali orang yang mati, menciptakan sesuatu yang berbentuk burung dari tanah liat, lalu ia meniupnya dan jadilah sesuatu itu burung yang hidup dengan seizin Allah SWT. Baginda juga dapat menyembuhkan berbagai jenis penyakit, mampu menceritakan hal ghaib serta diperkuatkan dengan roh al-Qudus, iaitu Malaikat Jibril AS. Semuanya itu untuk memperkuat risalah yang baginda sampaikan kepada kaum Bani Israil agar mereka percaya dan beriman kepadanya. Ironinya, kaum Bani Israil bertambah keras mendustakannya dan dengki serta ingkar terhadapnya. Reaksi ini timbul kerana apa yang didatangkannya bertentangan dengan isi kitab Taurat dalam sebahagian hukum hakamnya. Hal ini seperti yang diceritakan oleh Allah SWT dengan memetik kata-kata Nabi Isa AS, iaitu:

وَمُصَدِّقًا لِّمَا بَيْنَ يَدَيَّ مِنَ التَّوْرَةِ وَلِأُحِلَّ لَكُمْ  
بَعْضَ الَّذِي حُرِّمَ عَلَيْكُمْ وَجِئْتُكُمْ بِآيَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ  
فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوا

Maksud: *Dan juga (aku datang kepada kamu ialah untuk) mengesahkan kebenaran Kitab Taurat yang diturunkan dahulu daripadaku, dan untuk menghalalkan bagi kamu sebahagian (dari perkara-perkara) yang diharamkan kepada kamu; dan juga aku datang kepada kamu dengan membawa satu mukjizat dari Tuhan kamu. Oleh itu bertaqwalah kamu kepada Allah dan taatlah kepadaku. (50)*

(Surah Ali ‘Imran, 3: 50)

Orang Bani Israil memperlakukan para nabi dengan tindakan dan perlakuan sangat buruk. Sebahagian dari mereka mendustakannya

dan sebahagian yang lain membunuhnya. Hal tersebut terjadi hanya kerana para nabi mendatangi kepada mereka perkara yang bertentangan dengan hawa nafsu dan pendapat mereka. Para nabi tersebut memerintahkan mereka agar tetap berpegang teguh terhadap hukum kitab Taurat asli yang saat itu sudah mereka ubah untuk menentangnya. Oleh kerana itu, mereka terasa amat berat mengikuti para Rasul ini dan akhirnya mereka mendustakan para rasul ini dan adakalanya membunuh sebahagiannya. Hal ini ditegaskan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ  
 أَسْتَكْبَرْتُمْ فَرَفَرَيْقًا كَذَبْتُمْ وَفَرَيْقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

Maksud: *Maka patutkah, setiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya? (87)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 87)

Dalil yang menunjukkan bahawa Roh al-Qudus adalah Malaikat Jibril ialah apa yang dinaskan oleh Ibn Mas‘ud dalam tafsir ayat ini, kemudian pendapatnya itu diikuti oleh Ibn ‘Abbas, Muhammad ibn Ka‘b, Ismail ibn Khalid, al-Suddi, al-Rabi‘ ibn Anas, Atiyyah al-Aufi, dan Qatadah. Menurut Imam Al-Bukhari (2001) disertai dengan tafsir ayat berikut, iaitu firman-Nya:

نَزَلَ بِهِ الرُّوحُ الْأَمِينُ ﴿١٩٣﴾ عَلَىٰ قَلْبِكَ لِتَكُونَ مِنَ الْمُنذِرِينَ ﴿١٩٤﴾

Maksud: *Ia dibawa turun oleh malaikat Jibril yang amanah. (193)  
Ke dalam hatimu, supaya engkau (wahai Muhammad) menjadi seorang  
dari pemberi ajaran dan amaran (kepada umat manusia). (194)*

(Surah *al-Shu'ara'*, 26: 193-194)

Ruh al-Qudus sebagai Jibril juga digunakan oleh Rasulullah SAW ketika berdoa untuk Zayd bin Thabit sebagaimana hadis berikut (Al-Bukhari, 2001: 6152; Muslim, t.th.: 2485):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّ عُمَرَ، مَرَّ بِحَسَّانَ وَهُوَ يُنْشِدُ الشَّعْرَ فِي  
الْمَسْجِدِ، فَدَحَظَ إِلَيْهِ، فَقَالَ: قَدْ كُنْتُ أَنْشِدُ، وَفِيهِ مَنْ هُوَ  
خَيْرٌ مِنْكَ، ثُمَّ التَفَّتْ إِلَى أَبِي هُرَيْرَةَ، فَقَالَ: أَنْشِدْكَ اللَّهُ  
أَسْمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ يَقُولُ: «أَجِبْ عَنِّي، اللَّهُمَّ أَيِّدْهُ  
بِرُوحِ الْقُدُسِ؟» قَالَ: «اللَّهُمَّ نَعَمْ.»

Maksud: *Abu Hurairah RA., bahwa Khalifah Umar ibnul Khattab melewati Hassan ibn Sabit yang sedang mendendangkan syair dalam masjid, maka Umar RA mengikutinya dengan pandangan matanya. Lalu Hassan berkata, "Sesungguhnya aku pernah mendendangkan syair dalam masjid ini, sedangkan dalamnya terdapat orang yang lebih baik daripada kamu, yaitu Nabi SAW." Kemudian Umar bin al-Khattab RA menoleh kepada Abu Hurairah dan berkata, "Aku mohon atas nama Allah, pernahkah engkau mendengar Rasulullah SAW bersabda, "Perkenankanlah bagiku, ya Allah, kuatkanlah dia (Hassan) dengan Roh al-Qudus (Malaikat Jibril)?". Maka Abu Hurairah menjawab, "Ya Allah! Memang benar."*

(Al-Bukhari dan Muslim)

Pada asalnya sahabat Zayd bin Thabit ditempatkan di mimbar khusus dalam Masjid Nabi SAW sebagai yang dinyatakan dalam hadis berikut (Al-Tabrani, 1994: 3580):

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ كَانَ يَصْعُقُ لِحَسَّانَ بْنِ ثَابِتٍ  
مِنْبَرًا فِي الْمَسْجِدِ يَنْشُدُ عَلَيْهِ الْأَشْعَارَ، قَالَتْ: وَقَالَ رَسُولُ  
اللَّهِ ﷺ: «اللَّهُمَّ أَيِّدْهُ بِرُوحِ الْقُدُسِ مَا نَافَحَ عَنْ نَبِيِّكَ.»

Maksud: 'A'ishah RA menceritakan bahawa Rasulullah SAW pernah menempatkan Hassan bin Thabit satu mimbar dalam Masjid untuk mengalunkan syair. 'A'ishah berkata, "Rasulullah SAW berdoa, "Ya Allah, perkuatlah Hassan dengan Roh al-Qudus (Malaikat Jibril) sebagaimana dia berjuang membela Nabi-Mu (melalui syairnya).

(Al-Tabrani)

Nabi SAW bukan sahaja berdoa agar Jibril AS menguatkannya, bahkan membantunya dalam memerangi orang kafir dengan syair beliau. Hal ini sebagai yang disebutkan dalam hadis ini (Al-Bukhari, 2001: 3213; Muslim, t.th.: 2486):

عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ النَّبِيُّ ﷺ لِحَسَّانَ: «اهْجُؤْهُمْ - أَوْ  
هَاجِئْهُمْ وَجِبْرِيلُ مَعَكَ»

Maksud: Al-Barra' RA berkata, "Nabi SAW bersabda kepada Hassan, "Seranglah mereka atau hinakanlah mereka dengan syairmu, semoga Jibril membantumu.

(Al-Bukhari dan Muslim)

Kenyataan dalam kedua-dua hadis ini digambarkan sendiri oleh Sayyidina Hassan bin Thabit dalam syair beliau yang berikut:

وَجِبْرِيلُ رَسُولُ اللَّهِ يُنَادِي \*\*\* وَرُوحُ الْقُدُسِ لَيْسَ بِهِ خَفَاءُ

*Dan Jibril utusan Allah SWT berada bersama kami, dia adalah Roh al-Qudus yang tidak diragukan lagi.*

Kenyataan Roh al-Qudus sebagai Jibril juga ada digambarkan dalam hadis ini (Ibn Jarir, 2001: 1489):

عَنْ شَهْرِ بْنِ حَوْشَبٍ الْأَشْعَرِيِّ، "أَنَّ نَفْرًا، مِنَ الْيَهُودِ سَأَلُوا رَسُولَ اللَّهِ ﷺ وَسَلَّمَ فَقَالُوا، "أَخْبِرْنَا عَنِ الرُّوحِ." قَالَ: «أَنْشُدْكُمْ بِاللَّهِ وَبِأَيَّامِهِ عِنْدَ بَنِي إِسْرَائِيلَ هَلْ تَعْلَمُونَ أَنَّهُ جِبْرِيلُ، وَهُوَ يَأْتِينِي؟» قَالُوا، "نَعَمْ."

Maksud: *Shahr ibn Hawshab al-Ash'ari menceritakan bahawa ada segolongan orang Yahudi bertanya kepada Rasulullah SAW, "Ceritakanlah kepada kami tentang roh." Maka beliau menjawab, "Aku meminta kepada kamu, demi Allah SWT dan demi hari-Nya bersama Bani Israil, tahukah kamu bahawa Jibril yang selalu datang kepadaku adalah roh?" Mereka menjawab, "Ya."*

(Ibn Jarir)

Dalam hadis yang lain ada juga dinyatakan (Al-Bayhaqi, 2009: 427; 2003b: 1141; 1991: 20; 2003a: 13443; Ibn 'Abd al-Barr, 1994:

2345; Al-Bughawi, 1983: 4110; Al-Shafi'i, 2004: 1798; Ja'far al-Madani, 1998: 368):

عَنِ الْمُطَّلِبِ بْنِ حَنْطَبٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «أَمَا تَرَكْتُ شَيْئًا مِمَّا أَمَرَكُمُ اللَّهُ بِهِ إِلَّا وَقَدْ أَمَرْتُكُمْ بِهِ، وَلَا تَرَكْتُ شَيْئًا مِمَّا نَهَاكُمُ اللَّهُ عَنْهُ إِلَّا وَقَدْ نَهَيْتُكُمْ عَنْهُ، وَإِنَّ الرُّوحَ الْأَمِينَ قَدْ أَلْقَى فِي رَوْعِي أَنَّهُ لَنْ تَمُوتَ نَفْسٌ حَتَّى تَسْتَوِيَ فِي رِزْقِهَا، فَأَجْمِلُوا فِي الطَّلَبِ.»

Maksud: *Al-Muttalib bin Hantab RA berkata, "Rasulullah SAW bersabda, "Tidaklah aku meninggalkan sesuatu daripada apa yang diperintahkan oleh Allah SWT dengannya melainkan aku sudah perintahkan kepada kamu dengannya. Tidaklah aku meninggalkan sesuatu yang dilarang untuk kamu oleh Allah SWT melainkan sudah ku tegah kamu terhadapnya. "Sesungguhnya Roh al-Qudus (Malaikat Jibril) menyampaikan wahyu kepadaku, bahwa seseorang tidak akan mati sebelum menyempurnakan rezeki dan ajalnya. Oleh kerana itu, berlakulah dengan baik dalam mencari (meminta).*

(*Al-Bayhaqi, Ibn 'Abd al-Barr, Al-Bughawi, Al-Shafi'i, dan Ja'far al-Madani*)

Namun terdapat juga beberapa pendapat lain yang memberi makna yang berbeza tentang makna Roh al-Qudus sebagaimana berikut:

- (1) Ibn 'Abbas, Minjab, Sa'id ibn Jubair, Ubaid bin Umair: *Ism al-A'zam yang dibacakan oleh Nabi Isa AS sewaktu menghidupkan orang yang mati."*
- (2) Ibnu Abu Nujaih: *Malaikat Hafazah yang menjaga para malaikat.*
- (3) Al-Rabi' bin Anas, Kaab: *Tuhan Yang Maha Suci lagi Maha Tinggi.*
- (4) Mujahid dan al-Hasan al-Basri: *Al-Qudus adalah Allah SWT sedangkan al-Roh adalah Malaikat Jibril.*

- (5) Al-Suddi: al-Qudus adalah al-Barakah (keberkahan).
- (6) Ibn ‘Abbas, bahawa al-Qudus adalah suci.
- (7) Ibn Zaid: Allah SWT menguatkan Isa dengan roh dalam kitab Injil sebagaimana Dia menjadikan roh dalam al-Quran. Keduanya adalah Roh Allah, seperti yang dinyatakan oleh firman-Nya:

وَكَذَلِكَ أَوْحَيْنَا إِلَيْكَ رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا

Maksud: *Dan demikianlah Kami wahyukan kepadamu (Muhammad) - al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati) perintah Kami.*

(Surah *al-Shura*, 42: 52)

- (8) Al-Zamakhsyari: Roh yang disucikan, perihalnya sama dengan perkataanmu *hatim al-jud* (Hatim yang dermawan) dan *rajul sidqun* (lelaki yang benar).
- (9) Roh ini disifati dengan al-Qudus, seperti juga yang disebutkan dalam firman-Nya, “*Waruhum minhu*” (dan roh daripada-Nya). Maka ungkapan sifatnya disebut secara ikhtisas dan taqrib sebagai penghormatan buatnya. Menurut pendapat yang lain, dikatakan demikian kerana kejadiannya (Isa) bukan berasal dari apa yang dikeluarkan oleh sulbi (air mani) dan rahim yang mengeluarkan darah haid. Menurut pendapat yang lain, Roh di sini ertinya Malaikat Jibril. Menurut pendapat yang lainnya ertinya kitab Injil, seperti yang disebutkan dalam firman-Nya tentang al-Quran:

رُوحًا مِّنْ أَمْرِنَا

Maksud: *Al-Quran sebagai roh (yang menghidupkan hati) perintah Kami.*

(Surah *al-Shura*, 42: 52)

Kemudian Imam Ibn Jarir (2001: 2/223) menyatakan bahawa takwil yang paling dekat dengan kebenaran daripada semua pendapat ini adalah pendapat orang yang menyatakan bahawa al-Roh dalam ayat ini bermakna Malaikat Jibril. kerana sesungguhnya Allah SWT memberitakn bahawa Dia menguatkan Isa dengan roh tersebut, seperti yang disebutkan dalam firman-Nya:

إِذْ قَالَ اللَّهُ يٰعِيسَى ابْنَ مَرْيَمَ اذْكُرْ نِعْمَتِي عَلَيْكَ وَعَلَىٰ  
 وَالِدَتِكَ إِذْ أَيَّدتُّكَ بِرُوحِ الْقُدُسِ تُكَلِّمُ النَّاسَ فِي الْمَهْدِ  
 وَكَهَلًا وَإِذْ عَلَّمْتُكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ  
 وَالْإِنْجِيلَ وَإِذْ تَخْلُقُ مِنَ الطِّينِ كَهَيْئَةِ الطَّيْرِ بِإِذْنِي  
 فَتَنْفُخُ فِيهَا فَتَكُونُ طَيْرًا بِإِذْنِي وَتُبْرِئُ الْأَكْمَةَ  
 وَالْأَبْرَصَ بِإِذْنِي وَإِذْ تُخْرِجُ الْمَوْتَىٰ بِإِذْنِي وَإِذْ كَفَفْتُ  
 بَنِي إِسْرَائِيلَ عَنْكَ إِذْ جِئْتَهُم بِالْبَيِّنَاتِ فَقَالَ الَّذِينَ  
 كَفَرُوا مِنْهُمْ إِن هَذَا إِلَّا سِحْرٌ مُّبِينٌ ﴿١١٧﴾

Maksud: (Ingatlah) ketika Allah berfirman, “Wahai Isa ibni Maryam! Kenanglah nikmatKu kepadamu dan kepada ibumu, ketika Aku menguatkanmu dengan Roh al-Qudus (Jibril), iaitu engkau dapat berkata-kata dengan manusia (semasa engkau masih kecil) dalam buaian dan sesudah dewasa; dan (ingatlah) ketika Aku mengajarmu menulis membaca, dan hikmat pengetahuan, khususnya Kitab Taurat

*dan Kitab Injil; dan (ingatlah) ketika engkau jadikan dari tanah seperti bentuk burung dengan izin-Ku, kemudian engkau tiupkan padanya, lalu menjadilah ia seekor burung dengan izinku; dan (ingatlah) ketika engkau menyembuhkan orang buta dan orang sopak dengan izinku; dan (ingatlah) ketika engkau menghidupkan orang yang mati dengan izin-Ku; dan (ingatlah) ketika Aku menghalangi Bani Israil daripada membunuhmu, ketika engkau datang kepada mereka dengan membawa keterangan (mukjizat), lalu orang yang kafir di antara mereka berkata, "Bahawa ini hanyalah sihir yang terang nyata" (110)*

(Surah al-Ma'idah, 5: 110)

Maka dalam ayat ini Allah SWT menyebutkan bahawa Dia menguatkannya dengan Roh al-Qudus. Seandainya roh yang dijadikan sebagai penguat Isa adalah kitab Injil, nescaya firman-Nya

إِذْ أَيْدُتُكَ بِرُوحِ الْقُدُسِ

Maksud: *Ketika Aku menguatkanmu dengan Roh al-Qudus (Jibril)*

(Surah al-Ma'idah, 5: 110)

Begitu juga dengan firman-Nya:

وَإِذْ عَلَّمْتِكَ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَالتَّوْرَةَ وَالْإِنْجِيلَ

Maksud: *(Ingatlah) ketika Aku mengajarmu menulis membaca, dan hikmat pengetahuan, khasnya Kitab Taurat dan Kitab Injil.*

(Surah al-Ma'idah, 5: 110)

merupakan kata ulangan yang tidak mengandung erti apa pun, sedangkan Allah SWT Maha Suci dari hal yang tidak mengandung faedah dalam berkhitab kepada hamba-Nya.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/321), termasuk dalil yang menunjukkan bahawa yang dimaksudkan dengan al-Roh adalah Malaikat Jibril ialah apa yang ditunjukkan oleh konteks ayat sejak permulaannya.

Seterusnya imam Al-Zamkhasari (1987) menyatakan ketika berbincang tentang tafsiran firman Allah SWT berikut:

﴿٨٧﴾ فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِيقًا تَقْتُلُونَ

Maksud: *Sehingga sebahagian dari Rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?* (87)

(Surah al-Baqarah, 2: 87)

Sesungguhnya dalam ayat ini tidak dikatakan *wa fariqan qataltum* (وَفَرِيقًا قَتَلْتُمْ), iaitu “dan beberapa orang dari para utusan itu kamu bunuh” hanyalah kerana yang dimaksudkan mencakup pula masa mendatang. Hal ini demikian kerana ternyata mereka juga pernah berusaha untuk membunuh Nabi SAW dengan racun dan sihir. Rasulullah SAW pernah menyatakan dalam satu hadis (Al-Bazzar, 2009: 8007; Al-Asbahani, 2006: 83; Al-Muttarriz, 2000: 117):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: «مَا زِلْتُ أَكُلُّهُ خَيْبَرَ تُعَادِنِي كُلَّ عَامٍ، حَتَّىٰ كَانَ هَذَا أَوَانَ الزَّمَانِ قَطَعْتَ أَبْهَرِي.»

Maksud: *Abu Hurayrah RA berkata, “Rasulullah SAW bersabda, “Makanan (yang kusuap) di Khaibar masih terus mempengaruhi*

*diriku setiap tahun, dan sekarang sudah tiba saat terputusnya urat nadi utamaku.”*

*(Al-Bazzar, al-Asbahani, dan al-Muttarriz)*

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/323), hadis ini terdapat dalam kitab sahih al-Bukhari dan kitab hadis lainnya. Hadis yang dikeluarkan oleh Imam Al-Bukhari (2001: 4428) adalah seperti berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا قَالَتْ: كَانَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ فِي مَرَضِهِ الَّذِي مَاتَ فِيهِ: «يَا عَائِشَةُ مَا أَزَالُ أَجِدُ أَلَمَ الطَّعَامِ الَّذِي أَكَلْتُ بِحَيْبَرَ، فَهَذَا أَوْأَنُ وَجَدْتُ انْقِطَاعَ أَبْهَرِي مِنْ ذَلِكَ السَّمِّ»

Maksud: 'A'ishah RA Abu Hurayrah RA berkata, "Adalah Nabi SAW bersabda ketika kegeringan yang membawa kepada kewafatannya, "Wahai 'A'ishah! Aku sentiasa mendapat kesakitan daripada makanan yang aku makan di Khaibar. Pada waktu ini aku dapati sekarang sudah tiba saat terputusnya urat nadi utamaku disebabkan racun tersebut."

*(Al-Bukhari)*

Berdasarkan dalil ayat tafsiran dan hadis ini, golongan Yahudi berusaha untuk membunuh para nabi termasuk juga Nabi Muhammad SAW. Sifat keingkaran kepada utusan Allah SWT yang disebutkan dalam al-Quran terserlah dengan lebih lagi ketika kedatangan Nabi Muhammad. Oleh kerana itu, banyak bukti cubaan bunuh yang dilakukan oleh mereka yang bukan sahaja datang daripada peristiwa di Khaibar, tetapi juga dalam peristiwa Masjid Dirar dan lain-lain lagi.

## AL-BAQARAH (2: 88)

Seterusnya, Allah SWT memetik kata-kata kaum Yahudi tentang sebab kaum ini tidak dapat beriman kepada Nabi Muhammad SAW. Petikan kata-kata mereka dikhabarkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

وَقَالُوا قُلُوبُنَا غُلْفٌ ۚ بَلْ لَعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا  
يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksud: *Dan mereka (kaum Yahudi) berkata pula, "Hati kami tertutup (tidak dapat menerima Islam)." (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup) bahkan Allah melaknatkan mereka disebabkan kekufuran mereka, oleh itu maka sedikit benar mereka yang beriman. (88)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 88)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/324) berkata bahawa perkataan *qulubuna gulf* (قُلُوبُنَا غُلْفٌ) diterjemah dan ditafsirkan dalam kalangan sahabat dan tabiin sebagai berikut:

- (1) Ibn ‘Abbas RA: Hati kami tertutup, tidak dapat memahami, hati yang terkunci mati.
- (2) Mujahid: Hati yang tertutup oleh *gisyawah* (غِشَاوَةٌ), iaitu penutup.
- (3) Ikrimah: Hati yang terkunci mati (طَائِعٌ).
- (4) Abu al-‘Aliyah: Hati yang tidak dapat mengerti.
- (5) Al-Suddi: Hati yang tertutup oleh *gilaf* (غِلَافٌ), iaitu penutup.
- (6) Qatadah: Hati yang tidak dapat memahami dan tidak pula mengerti.
- (7) Al-Hasan: Sama maksud dengan *lam tuhtan* (لَمْ تُحْتَنَنْ), iaitu hati kami belum belum dibersihkan. Pendapat ini merujuk kepada pendapat yang lalu, iaitu yang menyatakan bahawa hati mereka tidak suci dan jauh dari kebaikan.

- (8) Pendapat lain Ibn ‘Abbas RA: Hati kami penuh, tidak lagi memerlukan ilmu Nabi Muhammad SAW, tidak pula yang lainnya.
- (9) Pendapat lain daripada Ibn ‘Abbas: Sama makna dengan *gulufun* (غُلْفٌ), iaitu wadah ilmu. Berdasarkan makna ini ada sebahagian kalangan sahabat Ansar yang membacanya demikian, iaitu *gulufun* (غُلْفٌ) dan bukan *gulfun* (غُفٌ). Bacaan ini diriwayatkan oleh Ibn Jarir, iaitu dengan huruf lam yang didummahkan sebagaimana nukilan al-Zamakhshari.

Sayyidina Qatadah menyatakan bahawa maksud, “Dan mereka (kaum Yahudi) berkata pula, “Hati kami tertutup (tidak dapat menerima Islam).” Sama maksud ayat dengan firman Allah SWT yang lian, iaitu:

وَقَالُوا قُلُوبُنَا فِيْ أَكْتَةٍ مِّمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ

Maksud: *Dan mereka berkata, “Hati kami dalam tutupan yang berlapis-lapis (menghalang kami) daripada memahami apa yang engkau serukan kami kepadanya.*

(Surah *Fussilat*, 41: 5)

Abd al-Rahman bin Zaid bin Aslam menyatakan sehubungan dengan tafsir lafaz *gulfun*; perihalnya sama dengan perkataanmu, “*Hatiku dalam keadaan tertutup,*” kerana itu ia tidak dapat memahami apa yang sampai kepadanya. Lalu Abd al-Rahman membacakan firman Allah SWT ini (Surah *Fussilat*, 41: 5).

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/324) bahawa pendapat yang terakhir ini yang mempunyai bukti yang kuat yang didalilkan oleh Imam dengan sepotong hadis (Ibn Bittah, 1994: 929; Ibn Abi Shaybah, 1988: 30404):

عَنْ حُذَيْفَةَ قَالَ: قَلْبٌ أَغْلَفَ فَذَاكَ قَلْبُ الْكَافِرِ

Maksud: *Huzaiifah yang menyatakan bahawa hati itu ada empat macam: Hati yang tertutup, hati ini adalah hatinya orang kafir.*

(*Ibn Bittah dan Ibn Abi Shaybah*)

Makna lafaz *gulfun* (غُلْفٌ) adalah bentuk jamak dari lafaz *gilafun* (غَلَاةٌ), ertinya wadah atau bekas air, iaitu mereka menduga bahawa hati mereka penuh dengan ilmu. Oleh kerana itu mereka tidak lagi memerlukan ilmu yang lain, sebagaimana mereka biasa memberikan fatwa mengenai ilmu kitab Taurat. Disebab itulah, Allah SWT berfirman:

بَل لَّعَنَهُمُ اللَّهُ بِكُفْرِهِمْ فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ ﴿٨٨﴾

Maksud: (*Sebenarnya hati mereka tidak tertutup*) bahkan Allah melaknatkan mereka disebabkan kekufuran mereka, oleh itu maka sedikit benar mereka yang beriman. (88)

(*Surah al-Baqarah, 2: 88*)

Dengan kata lain, keadaannya tidaklah seperti apa yang mereka sangka. Sebenarnya hati mereka tertutup dan terkunci mati seperti pengertian yang terkandung dalam firman Allah SWT, iaitu:

وَقَوْلِهِمْ قُلُوبُنَا غُلْفٌ ۚ بَل طَبَعَ اللَّهُ عَلَيْهَا بِكُفْرِهِمْ فَلَا يُؤْمِنُونَ

إِلَّا قَلِيلًا ﴿١٥٥﴾

Maksud: *Dan mereka juga mengatakan, “Hati kami tertutup (tidak dapat menerima ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad).” (Sebenarnya hati mereka tidak tertutup), bahkan Allah memeteraikan hati mereka disebabkan kekufuran mereka. Oleh itu, mereka tidak beriman kecuali sedikit sahaja (antara mereka). (155)*

(Surah *al-Nisa*, 4: 155)

Ahli tafsir berbeza pendapat mengenai firman Allah SWT antara *Faqalilam ma yu'minun* (فَقَلِيلًا مَّا يُؤْمِنُونَ) firman-Nya, *Fala yu'minuna illa qalilan* (فَلَا يُؤْمِنُونَ إِلَّا قَلِيلًا). Makna untuk ayat pertama, iaitu:

- (1) Sedikit sekali orang yang beriman dalam kalangan mereka
- (2) Sedikit sekali iman mereka. Dengan kata lain, mereka beriman kepada apa yang disampaikan oleh Musa kepada mereka tentang hari akhirat, pahala, dan siksaan. Akan tetapi, iman tersebut tiada manfaatnya bagi mereka kerana hati mereka dipenuhi oleh kekufuran terhadap apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW kepada mereka.
- (3) Sesungguhnya mereka (Bani Israil) tidak memiliki iman barang sedikit pun

Makna bagi ayat kedua pula ialah ketiadaan iman pada mereka, iaitu mereka semuanya kafir. Pengertian kalimat ini sama dengan ucapan orang Arab:

قَلَّمَا رَأَيْتُ مِثْلَ هَذَا قَطُّ

Maksud: *aku jarang sekali melihat hal seumpama ini.*

Makna yang dimaksudkan ialah:

مَا رَأَيْتُ مِثْلَ هَذَا قَطُّ

Maksud: *aku belum pernah melihat hal yang semisal dengan ini*

Imam al-Kisa'i berkata bahawa orang Arab pernah mengatakan:

مَنْ زَنِىَ بِأَرْضٍ قَلَّمَا تُنْبِتُ

Maksud: *barang siapa yang berzina di suatu tanah, maka tanah itu jarang dapat menumbuhkan sebarang tumbuhan.*

Makna yang dimaksud daripada ayat ini ialah tanah tersebut tidak dapat menumbuhkan sesuatu tumbuhanpun. Demikian menurut riwayat Imam Ibn Jarir (2001) RA.

### AL-BAQARAH (2: 89)

Seterusnya, Allah SWT menempelak golongan Bani Israil yang tidak mahu beriman kepada Nabi Muhammad SAW, sedangkan golongan ini selalu menggunakan namanya dan bermohon menggunakan nama baginda untuk kemenangan mereka dalam menentang musuh mereka. Firman Allah SWT:

وَلَمَّا جَاءَهُمْ كِتَابٌ مِّنْ عِنْدِ اللَّهِ مُصَدِّقٌ لِّمَا مَعَهُمْ  
وَكَانُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا فَلَمَّا  
جَاءَهُمْ مَا عَرَفُوا كَفَرُوا بِهِ فَلَعْنَةُ اللَّهِ عَلَى الْكَافِرِينَ

Maksud: *Dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab dari Allah (al-Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat), sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu). Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran),*

*mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang yang kafir ingkar itu. (89)*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 89)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/325) berkata, perkataan *Walamma ja'ahum* (وَلَمَّا جَاءَهُمْ), *sesudah datang kepada orang Yahudi itu*. Sedangkan kalimah dalam ayat ini *Kitabun min 'indillah* (كِتَابٌ مِنْ عِنْدِ اللَّهِ), bererti '*al-Quran yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW*'. Manakala, *Musaddiq lima ma'ahum* (مُصَدِّقٌ لِمَا مَعَهُمْ), bererti '*yang isinya membenarkan kitab Taurat yang ada pada mereka*.' Sedangkan mengenai makna firman-Nya:

وَكَا نُوا مِنْ قَبْلُ يَسْتَفْتِحُونَ عَلَى الَّذِينَ كَفَرُوا

Maksud: *Sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu).*

(Surah *al-Baqarah*, 2: 87-92)

Makna yang dimaksud ialah bahawa sebelum kedatangan Rasul SAW yang membawa al-Quran, mereka selalu memohon kepada Allah SWT akan kedatangannya untuk menghadapi musuh mereka dalam kalangan kaum musyrik, bila mereka berperang melawan kaum musyrik. Kaum Bani Israil selalu menyatakan, "*Sesungguhnya kelak akan diutus seorang nabi akhir zaman, kami akan bersamanya memerangi kamu sebagaimana kami memerangi kaum 'Ad dan kaum Iram*." Hal ini seperti yang dikatakan oleh Qatadah al-Ansari dan pemuka Ansar yang menyatakan, "Demi Allah! Ayat ini diturunkan berkenaan dengan kami dan mereka", iaitu berkenaan dengan kaum Ansar dan orang Yahudi yang berjiran. Dengan merekalah kisah yang disebutkan dalam ayat berikut ini diturunkan, iaitu firman-Nya yang bermaksud, "*Setelah datang kepada*

*mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang yang kafir ingkar itu. (al-Baqarah, 2: 89).*

Orang Ansar menyatakan, “Kami berkuasa ke atas mereka dengan kekuatan dalam suatu masa pada zaman Jahiliah; padahal kami berasal dari orang musyrik, sedangkan mereka adalah ahli kitab.” Mereka selalu menyatakan, “*Nanti akan muncul seorang nabi yang sekarang sudah tiba masa perutusannya dan nanti kami akan mengikutinya. Pengutusannya untuk memerangi kamu seperti kami memerangi kaum ‘Ad dan Iram. Namun, sesudah Allah SWT mengutus rasul-Nya dalam kalangan Quraisy, maka kami mengikuti Nabi Muhammad SAW, sedangkan mereka sendiri pula ingkar kepadanya.*” Allah SWT berfirman dengan maksud, “*Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang yang kafir ingkar itu.* (Surah al-Baqarah, 2: 89)

Ibn ‘Abbas pula menyatakan tentang ayat Surah al-Baqarah (2: 89) ini berhubungan dengan tafsiran firman Allah SWT yang bermaksud, “*sedang mereka sebelum itu sentiasa memohon (kepada Allah) kemenangan atas kaum kafir musyrik (dengan kedatangan seorang Nabi pembawa Kitab itu).*” Mereka selalu memohon pertolongan seraya menyatakan, “*Kami akan membantu Muhammad untuk melawan mereka.*” Namun pada hakikatnya tidaklah demikian, mereka hanya berdusta belaka.

Sayyidina Ibn ‘Abbas juga menyatakan bahawa orang Yahudi pada masa lalu selalu memohon kemenangan ke atas orang Aus dan Khazraj dengan kedatangan Rasulullah SAW sebelum bagindau diangkat menjadi utusan. Akan tetapi, sesudah Allah SWT mengutusnyanya dalam kalangan bangsa Arab, mereka kafir dan ingkar kepada apa yang selalu mereka katakan sebelumnya tentang Rasulullah SAW. Maka berkatalah kepada mereka Mu‘az bin Jabal, Bishr bin al-Barra bin Ma‘rur, dan Daud bin Salamah, “*Hai orang Yahudi, bertakwalah kamu kepada Allah SWT dan masuk Islamlah kamu. Sesungguhnya kamu dahulu selalu memohon untuk mendapat kemenangan atas kami dengan datangnya Muhammad*

SAW, sedangkan kami masih dalam keadaan musyrik. Kamu menceritakan kepada kami bahawa dia akan diutus dan kamu sebut pula sifatnya.”

Maka Salam bin Mishkum, saudara Bani Nadir, iaitu salah seorang dalam kalangan orang Yahudi menjawab, “Dia tidak menyampaikan kepada kami sesuatu pun yang kami kenal, dan dia bukanlah orang yang dahulu sering kami katakan kepada kamu.” Maka Allah SWT menurunkan firman-Nya sehubungan dengan perkataan mereka itu, *“Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang yang kafir ingkar itu.”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 89).

Ibn ‘Abbas menceritakan berhubung firman Allah SWT yang bermaksud, *“Dan ketika datang kepada mereka sebuah Kitab dari Allah (al-Quran), yang mengesahkan apa yang ada pada mereka (Kitab Taurat).”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 89) Mereka selalu memohon kemenangan dengan datangnya Nabi Muhammad SAW atas orang musyrik Arab, iaitu yang juga dalam kalangan ahli kitab seperti mereka. Tetapi sesudah Nabi Muhammad SAW diutus dan kelihatan oleh mereka bukan dalam kalangan mereka, maka mereka ingkar dan dengki kepadanya.

Abu al-‘Aliyah menyatakan, dahulu orang Yahudi selalu memohon kemenangan dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW atas orang musyrik Arab. Mereka menyatakan, *“Ya Allah! Utuslah nabi yang kami jumpai termaktub dalam kitab kami ini hingga kami dapat menghukum dan membunuh orang musyrik.”* Tetapi sesudah Allah SWT mengutus Nabi Muhammad SAW dan mereka melihatnya bukan dalam kalangan mereka, maka mereka kafir kepadanya kerana dengki terhadap bangsa Arab, padahal mereka mengetahui bahawa Nabi Muhammad SAW adalah utusan Allah SWT. Maka Allah SWT berfirman yang bermaksud, *“Setelah datang kepada mereka apa yang mereka sedia mengetahui kebenarannya (Nabi Muhammad dan al-Quran), mereka mengingkarinya; maka (dengan yang demikian), laknat Allah menimpa orang yang kafir ingkar itu.”* (Surah *al-Baqarah*, 2: 89). Makna yang lebih kurang sama juga dirwayatkan oleh Sayyidina Qatadah dan Imam Mujahid.

## AL-BAQARAH (2: 90)

Perbuatan Kaum Bani Israil yang tidak mahu beriman kepada Nabi Muhammad SAW dikecam oleh Allah SWT sedangkan dahulu mereka selalu menyebut, berdoa, dan berharap bahawa Nabi Muhammad SAW itulah yang akan berjuang bersama mereka untuk memerangi orang Arab. Firmannya:

بِسْمَا أَشْتَرَوْا بِهِ أَنْفُسَهُمْ أَنْ يَكْفُرُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ بَغْيًا  
 أَنْ يُنَزِّلَ اللَّهُ مِنْ فَضْلِهِ عَلَىٰ مَنْ يَشَاءُ مِنْ عِبَادِهِ ۗ فَبَاءُ و  
 بَعْضٍ عَلَىٰ غَضَبٍ ۖ وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿٩٠﴾

Maksud: *Sejihat-jahat perkara (yang mereka lakukan) ialah perbuatan mereka membeli kesenangan dirinya sendiri dengan mengingkari al-Quran yang diturunkan oleh Allah, kerana dengki bahawa Allah menurunkan dari limpah kurnia-Nya (wahyu) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya (iaitu Nabi Muhammad SAW). Dengan sebab itu sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah bertalu-talu, dan orang yang kafir itu akan beroleh azab sengsara yang menghinakan. (90)*

(Surah al-Baqarah, 2: 90)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/327) memetik kata-kata Imam Mujahid menyatakan bahawa firman Allah SWT ini adalah merujuk kepada orang Yahudi. Mereka menjual perkara yang hak dengan mendapatkan gantinya perkara yang batil, iaitu mereka menyembunyikan apa yang disampaikan oleh Nabi Muhammad SAW dan mereka tidak mahu menjelaskannya. Manakala al-Suddi menyatakan bahawa ayat ini menjelaskan tentang

orang Yahudi yang menjual diri mereka dengan keburukan tersebut. Dengan kata lain, alangkah buruknya apa yang mereka tukarkan untuk diri mereka sendiri. Mereka lebih rela dengan pertukaran yang buruk tersebut dan memilihnya, iaitu kafir kepada apa yang diturunkan oleh Allah SWT, iaitu al-Quran kepada Nabi Muhammad SAW. Bahkan Mereka tidak mahu membenarkannya, tidak mahu mendokong dan membantunya. Sesungguhnya yang mendorong mereka berbuat demikian hanyalah disebabkan rasa dengki dan kebencian serta kezaliman mereka sendiri. Hal ini sepertimana yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya, *“kerana dengki bahawa Allah menurunkan dari limpah kurnia-Nya (wahyu) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya (iaitu Nabi Muhammad SAW).”* (Surah al-Baqarah, 2: 90). Tiada kedengkian yang lebih besar daripada kedengkian seperti itu.

Ibn ‘Abbas juga menjelaskan tentang ayat yang berkaitan dengan firman Allah SWT yang bermaksud, *“Sejahat-jahat perkara (yang mereka lakukan) ialah perbuatan mereka membeli kesenangan dirinya sendiri dengan mengingkari al-Quran yang diturunkan oleh Allah, kerana dengki bahawa Allah menurunkan dari limpah kurnia-Nya (wahyu) kepada sesiapa yang dikehendaki-Nya antara hamba-Nya (iaitu Nabi Muhammad SAW).”* (Surah al-Baqarah, 2: 90), iaitu kerana Allah SWT menjadikan nabi tersebut bukan dalam kalangan Bani Israil sendiri. *Dengan sebab itu sudah sepatutnya mereka mendapat kemurkaan Allah bertalu-talu, dan orang yang kafir itu akan beroleh azab sengsara yang menghinakan.* (90) (Surah al-Baqarah, 2: 90)

Menurut Ibn ‘Abbas, makna kemurkaan bertalu-talu ialah Allah SWT murka kepada mereka kerana mereka menyia-nyiakan kitab Taurat, padahal kitab Taurat berada di tangan mereka. Allah SWT murka pula kepada mereka kerana mereka ingkar kepada Nabi SAW yang diutus-Nya kepada mereka semuanya.

Menurut Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/327), makna lafaz *ba’u* (بَاؤُوا) ialah mereka pasti dan berhak mendapat kemurkaan bertalu-talu, dan mereka tetap berada dalam kemurkaan yang bertalu-talu itu. Abu al-‘Aliyah menyatakan, murka Allah SWT terhadap Bani Israi) adalah

kerana kekufuran dan keingkaran mereka kepada kitab Injil dan Nabi Isa, juga kerana mereka ingkar kepada Nabi Muhammad SAW dan kepada al-Quran. Hal yang seumpama ini juga seperti yang diriwayatkan pula oleh Ikrimah dan Qatadah.

Al-Suddi menyatakan bahawa murka Allah SWT yang pertama ialah ketika mereka menyembah anak lembu, dan yang kedua ialah ketika mereka ingkar terhadap Nabi Muhammad SAW. Makna yang seperti ini juga diriwayatkan dari Ibn ‘Abbas. Kemudian Allah SWT menyambung dengan firman-Nya:

وَلِلْكَافِرِينَ عَذَابٌ مُّهِينٌ ﴿٩٠﴾

Maksud: *Dan orang yang kafir itu akan beroleh azab sengsara yang menghinakan. (90)*

(Surah al-Baqarah, 2: 90)

Dikatakan demikian adalah untuk mengingatkan kepada Bani Israil bahawa penyebab dari kekufuran mereka adalah rasa dengki dan iri hati yang bersumberkan daripada rasa takabur mereka. Maka sebagai pembalasannya ialah dikembalikan kehinaan tersebut kepada diri mereka sendiri, iaitu mereka mengalami kehinaan dan kerendahan bukan sahaja ketika di dunia bahkan juga ketika di akhirat. Hal ini yang disebutkan oleh Allah SWT dalam firman-Nya:

إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ  
دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Maksud: *Sesungguhnya orang yang menyombongkan diri dari menyembah-Ku akan masuk neraka Jahannam dalam keadaan hina dina.*

(Surah *al-Ghafir*, 40: 60)

Ayat ini bermaksud kesombongan makhluk untuk tunduk dan patuh kepada Allah SWT menyebabkan mereka di sisi-Nya menjadi kecil, hina, rendah lagi pula kalah. Satu hadis menjelaskan (Al-Tirmidhi, 1998: 2492):

عَنْ عَمْرِو بْنِ شُعَيْبٍ، عَنْ أَبِيهِ، عَنْ جَدِّهِ، عَنِ النَّبِيِّ ﷺ، قَالَ:  
يُجْشَرُ الْمُتَكَبِّرُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَمْثَالَ الدَّرِّ فِي صُورِ الرِّجَالِ يَعْشَاهُمْ  
الدُّلُّ مِنْ كُلِّ مَكَانٍ، فَيَسَاقُونَ إِلَى سِجْنٍ فِي جَهَنَّمَ يُسَمَّى بُولَسَ  
تَعْلُوهُمْ نَارُ الْأَنْيَارِ يُسَقُونَ مِنْ عَصَارَةِ أَهْلِ النَّارِ طِينَةَ الْحَبَالِ.

Maksud: 'Amr bin Shu'ayb, dari ayahnya, dari datuknya, dari Nabi SAW yang bersabda, "Orang sombong dikumpulkan pada hari kiamat seperti semut bermuka manusia, mereka diliputi kehinaan dari segala penjuru, mereka digiring menuju penjara di neraka jahanam yang bernama Bulas, di atas mereka ada api paling panas, mereka diminumkan dengan muntah dan darah penduduk neraka yang namanya 'thinat al-khabal'.

(Al-Tirmidhi)

Hakikatnya, orang yang sombong bukan sahaja di seksa di alam akhirat, di dunia lagi kebanyakan golongan ini seperti yang digambarkan dalam kisah Bani Israil (Jasmi, 2018e, 2018d, 2019e, 2019c, 2019a, 2019d), mereka dihina oleh Allah SWT di mana-mana sahaja mereka berada di dunia ini akibat daripada kesombongan mereka.

## AL-BAQARAH (2: 91-92)

Allah SWT menyingkap sifat sebenar kaum Bani Israil yang bersifat degil dan keras hati untuk tidak beriman kepada Nabi Muhammad SAW. Kedegilan mereka bukan sahaja kepada Nabi Muhammad bahkan kepada Nabi Musa AS sejak diangkap menjadi Rasul dalam peristiwa penyembahan anak lembu dan dalam peristiwa pembunuhan para Nabi yang diutuskan oleh Allah kepada kaum Bani Israil. Firman-Nya:

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ ءَامِنُوا بِمَا أَنْزَلَ اللَّهُ قَالُوا نُوْمِنُ بِمَا أَنْزَلَ عَلَيْنَا  
وَيَكْفُرُونَ بِمَا وَرَاءَهُ وَهُوَ الْحَقُّ مُصَدِّقًا لِّمَا مَعَهُمْ قُلْ  
فَلِمَ تَقْتُلُونَ أَنْبِيَاءَ اللَّهِ مِنْ قَبْلُ إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿٩١﴾  
\* وَقَدْ جَاءَكُمْ مُوسَىٰ بِالْبَيِّنَاتِ ثُمَّ اتَّخَذْتُمُ  
الْعِجْلَ مِنْ بَعْدِهِ وَأَنْتُمْ ظَالِمُونَ ﴿٩٢﴾

Maksud: *Dan apabila dikatakan kepada mereka, “Berimanlah kamu kepada apa yang diturunkan oleh Allah (kepada Nabi Muhammad).” Mereka menjawab, “Kami hanya beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami (Taurat).” Dan mereka ingkarkan (Kitab) yang lain yang diturunkan kemudian daripadanya, padahal al-Quran itu benar lagi mengesahkan Kitab Taurat yang ada pada mereka. Katakanlah (wahai Muhammad), “Jika demikian mengapa kamu membunuh nabi Allah pada masa yang lalu kalaulah kamu benar-benar orang yang beriman?” (91) Dan sesungguhnya datang kepada kamu Nabi Musa membawakan ketenangan (mukjizat) kemudian kamu menyembah (patung) anak lembu sepeninggalannya, dan kamu (dengan perbuatan itu) adalah orang yang zalim. (92)*

(Surah al-Baqarah, 2: 91-92)

Imam Ibn al-Kathir (1999: 1/328) berkata bahwa firman Allah SWT ini ditujukan kepada orang Yahudi dan yang semisal dengan mereka dari kalangan ahli kitab dengan takwil, “Berimanlah kamu kepada apa yang diturunkan oleh Allah kepada Nabi Muhammad, percayalah kepadanya, dan ikutilah dia.” Mereka berkata, Mereka menjawab, “Kami hanya beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami (Taurat).” Maksudnya, cukup bagi kami beriman kepada kitab Taurat dan Injil yang diturunkan kepada kami, dan kami tidak mengakui selain itu. Mereka engkar kepada al-Quran yang diturunkan sesudahnya, iaitu sesudah kitab tersebut.

Padahal al-Quran itu benar lagi mengesahkan Kitab Taurat yang ada pada mereka, iaitu mereka mengetahui bahawa kitab yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW adalah perkara yang hak, yang membenarkan apa yang ada pada mereka. Lafaz *musaddiqan* (مُصَدِّقًا) dibaca *nasab* kerana berkedudukan menjadi *hal* (keterangan keadaan), iaitu keadaan al-Quran itu membenarkan apa yang ada pada mereka, iaitu kitab Taurat dan Injil yang dipegang mereka. Dengan demikian, dalam kalimat ini terkandung hujah yang membantah pengakuan mereka; seperti yang dijelaskan oleh firman Allah SWT lainnya, iaitu:

الَّذِينَ آتَيْنَاهُمُ الْكِتَابَ يَعْرِفُونَهُ كَمَا يَعْرِفُونَ أَبْنَاءَهُمْ <sup>صل</sup>

Maksud: Orang (Yahudi dan Nasrani) yang Kami berikan Kitab itu mengetahui serta mengenalinya (Nabi Muhammad dan kebenarannya) sebagaimana mereka mengenal anak-anak mereka sendiri.

(Surah al-Baqarah, 2: 146)

Kemudian dalam ayat selanjutnya Allah SWT berfirman dengan maksud, “Jika demikian mengapa kamu membunuh nabi Allah pada masa yang lalu kalaulah kamu benar-benar orang yang beriman?” Ayat ini bermaksud jika kamu benar dalam pengakuan kamu yang menyatakan bahawa kamu beriman kepada kitab yang diturunkan kepada kamu, mengapa

kamu membunuh para nabi yang datang kepada kamu dengan membawa apa yang membenarkan yang ada di tangan kamu? Kamu diperintahkan agar memutuskan hukum berdasarkan kitab Taurat itu dan tidak boleh mengubahnya, padahal kamu mengetahui bahwa para nabi tersebut benar. Tetapi ternyata kamu membunuh mereka kerana rasa dengki, ingkar, dan takabur kamu terhadap utusan Allah SWT. Kamu sama sekali tidak mengikuti kecuali hanya hawa nafsu kamu sendiri, pendapat kamu, dan selera kamu sendiri. Makna ayat ini sama dengan firman-Nya:

أَفَكُلَّمَا جَاءَكُمْ رَسُولٌ بِمَا لَا تَهْوَىٰ أَنفُسُكُمْ  
 أَسْتَكْبَرْتُمْ فَرِحْتُمْ بِرِيقًا كَذَّبْتُمْ وَفَرِحْتُمْ بِرِيقًا تَقْتُلُونَ ﴿٨٧﴾

Maksud: *Maka patutkah, setiap kali datang kepada kamu seorang Rasul membawa sesuatu (kebenaran) yang tidak disukai oleh hawa nafsu kamu, kamu (dengan) sombong takbur (menolaknya), sehingga sebahagian dari Rasul itu kamu dustakan, dan sebahagian yang lain pula kamu membunuhnya?* (87)

(Surah *al-Baqarah*, 2: 87)

Al-Suddi menyatakan sehubungan dengan ayat berikut, bahawa Allah SWT mencela perbuatan mereka melalui firman-Nya yang bermaksud, “Jika demikian mengapa kamu membunuh nabi Allah pada masa yang lalu kalaulah kamu benar-benar orang yang beriman?” (Surah *al-Baqarah*, 2: 91)

Menurut Imam Ibn Jarir (2001: 2/350), makna ayat ini (*al-Baqarah*, 2: 91-92) adalah seperti berikut:

*Katakanlah wahai Muhammad! kepada orang Yahudi Bani Israil bila kamu katakan kepada mereka, “Berimanlah kepada al-Quran yang diturunkan oleh Allah SWT.” Lalu mereka menjawab, “Kami*

*hanya beriman kepada apa yang diturunkan kepada kami.” Katakanlah, “Mengapa kamu membunuh para nabi, wahai orang Yahudi, jika kamu adalah orang yang beriman kepada apa yang diturunkan oleh Allah? Sesungguhnya Allah SWT mengharamkan kepada kamu membunuh mereka melalui al-Kitab (Taurat) yang diturunkan kepada kamu. Bahkan kitab kamu memerintahkan kepada kamu untuk mengikuti para nabi, taat, dan percaya kepada mereka.”*

*Kalimat ayat ini mengandung makna pendustaan dari Allah SWT terhadap perkataan orang Yahudi yang menyatakan bahawa mereka hanya beriman kepada kitab yang diturunkan kepada mereka. Hal ini sekali gus sebagai celaan terhadap sikap mereka yang demikian itu. “Sesungguhnya Nabi Musa datang kepada kamu membawa bukti kebenaran mukjizat,” iaitu tanda yang jelas dan bukti yang tidak mungkin dimungkiri lagi. Semuanya menunjukkan bahawa Nabi Musa AS adalah utusan Allah SWT dan tidak ada Tuhan selain Allah SWT. Tanda yang jelas itu berupa banjir, belalang, kutu busuk, katak, darah, tongkat, tangan Nabi Musa AS, terbelahnya laut, awan menaungi mereka, manna dan salwa, batu, dan lain sebagainya antara mukjizat yang mereka saksikan sendiri dengan mata kepala mereka.*

*“Kemudian kamu jadikan anak sapi (sebagai sembah),” iaitu kamu menjadikannya sebagai sembah selain dari Allah SWT pada hari Nabi Musa AS mengalami kesibukan. Firman Allah SWT, “Setelah (kepergian)nya,” iaitu sesudah Nabi Musa AS pergi meninggalkan kamu menuju Bukit Tur untuk bermunajat kepada Allah SWT Kelakuan mereka saat itu diterangkan oleh firman-Nya:*

وَاتَّخَذَ قَوْمُ مُوسَىٰ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ حُلِيِّهِمْ عِجَازًا جَسَدًا آلَهُ  
خَوَارٍ

*Maksud: Dan kaum Nabi Musa, sesudah ia (pergi ke Gunung Tursina), mereka membuat dari barang-barang emas perhiasan mereka, (patung) anak lembu yang bertubuh dan bersuara. (Surah al-A’raf, 7: 148)*

*“Dan kamu (dengan perbuatan itu) adalah orang yang zalim,” iaitu kamu adalah orang yang zalim kerana perbuatan kamu yang*

*menyembah anak lembu itu, sedangkan kamu mengetahui bahawa tiada yang wajib disembah kecuali hanya Allah SWT, seperti yang disebutkan oleh firman-Nya yang lain, iaitu:*

وَلَمَّا سَقَطَ فِي أَيِّدِهِمْ وَرَأَوْا أَنَّهُمْ قَدَّ ضَلُّوا قَالُوا لَئِن لَّمَّ

يَرْحَمَنَا رَبُّنَا وَيَغْفِرَ لَنَا لَنَكُونَنَّ مِنَ الْخَاسِرِينَ ﴿١٤٩﴾

Maksud: *Dan setelah mereka menyesal (akan apa yang mereka lakukan) dan mengetahui bahawa mereka sesat, berkatalah mereka, “Sesungguhnya jika Tuhan kami tidak memberi rahmat kepada kami dan mengampunkan kami, nescaya menjadilah kami dari orang yang rugi.” (149) (Surah al-A’raf, 7: 149)*

Terbukti keenganan mereka untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW adalah tidak lebih daripada alasan daripada sifat kesombongan mereka terhadap Allah SWT. Hal ini terjelus sama Nabi Muhammad atau nabi sebelumnya termasuk Nabi Musa AS, walaupun sudah dibentangkan kepada mereka pelbagai mukjizat di depan mata mereka, namun kebanyakan mereka tetap enggan beriman kepada nabi-nabi yang diutuskan kepada mereka oleh Allah SWT. Hal ini kerana mereka lebih suka hidup dengan mengikut hawa nafsu mereka sendiri berbanding berada dalam pertunjuk al-Quran ataupun kitab sebelum al-Quran.

## PENGAJARAN AYAT

Terdapat empat pengajaran utama yang boleh diambil daripada perbincangan tafsiran ayat, iaitu sebab utama kaum Bani Israil menjadi penentang tegar para nabi; pengutusan Nabi Isa AS kepada kaum Bani Israil dan penentangan mereka; perbezaan antara keyakinan Bani Israil dan tindakan mereka terhadap pengutusan Nabi Muhammad SAW; dan Roh al-Qudus dalam syariat Nabi Muhammad SAW.

## SEBAB UTAMA KAUM BANI ISRAIL MENJADI PENENTANG TEGAR PARA NABI

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui, memahami, dan menjauhi sifat kaum Bani Israil yang menjadi satu kaum yang sangat menentang para Nabi dan Rasul adalah disebabkan oleh:

- (1) Sangat takbur, sangat menentang, dan sangat sombong terhadap rasul yang diutus (surah *al-Baqarah*, 2: 87). Semua makhluk Allah SWT yang memiliki sifat ini akan binasa di alam akhirat (Jasmi, 2018f, 2018d; Al-Tirmidhi, 1998: 2492) sebagaimana binasanya seseorang hamba yang sombong untuk sujud menyembah Allah SWT (surah *al-Ghafir*, 40: 60). Hal ini disebabkan mereka terlalu mengikut hawa nafsu dan tidak mahu mengikut ajaran Taurat yang sudah diubah oleh mereka untuk kembali semula dengan ajaran taurat yang sebenar dengan kedatangan Rasul selepas Nabi Musa AS (surah *al-Baqarah*, 2: 87; Ibn al-Kathir, 1999: 1/321; surah *al-Ma'idah*, 5: 44; surah *al-Mu'minun*, 23: 44). Mereka rela untuk disiksa dalam neraka selama-lamanya kerana ingin hidup tanpa terikat dengan perintah Allah SWT di dunia melalui syariat yang diturunkan kepada mereka dan kepada umat manusia (Surah *al-Baqarah*, 2: 90).
- (2) Disebabkan mereka ialah kaum yang sudah mendapat laknat (surah *al-Baqarah*, 2: 89) dan kemurkaan Allah SWT (surah *al-Baqarah*, 2: 90) sehingga hati mereka tertutup rapat dengan hadangan yang berlapis-lapis untuk menjadikan mereka sukar memahami dan menerima Islam melainkan orang yang benar-benar dikehendaki oleh Allah SWT diberikan mereka hidayah-Nya (surah *al-Baqarah*, 2: 88; Ibn al-Kathir, 1999: 1/324; surah *Fussilat*, 41: 5; surah *al-Nisa*, 4: 155).
- (3) Rasa iri hati dan dengaki dengan kedatangan Nabi Muhammad SAW daripada keturunan Arab berbanding daripada keturunan Bani Israil (surah *al-Baqarah*, 2: 89). Oleh kerana mereka menolak untuk

beriman, maka mereka menjadi kafir. Ketika sudah terbukti mereka ingkar dan kafir akibatnya, apa yang ditimpakan oleh Allah SWT kepada orang kafir dalam bentuk hati yang tertutup untuk menerima Islam, maka tertimpa juga kepada kaum Bani Israil ini (Ibn Bittah, 1994: 929; Ibn Abi Shaybah, 1988: 30404; Jasmi, 2018a). Bahkan mereka ditimpakan kehinaan melebihi daripada kehinaan orang kafir disebabkan pengetahuan yang mereka miliki tentang kebenaran Nabi Muhammad SAW dan ajarannya (surah al-Baqarah, 2: 89).

Oleh kerana itu, ada kalangan rasul ini ada yang didustakan sebagai pendustaan kaum Bani Israil kepada Nabi Musa AS sendiri (surah *al-Baqarah*, 2: 92) dan ada pula yang dibunuh oleh mereka (surah *al-Baqarah*, 2: 87-91). Sehingga Nabi Muhammad SAW sendiri pernah diracun oleh orang Yahudi (Al-Bazzar, 2009: 8007; Al-Asbahani, 2006: 83; Al-Muttarriz, 2000: 117; Al-Bukhari, 2001: 4428).

## **PENGUTUSAN NABI ISA AS KEPADA KAUM BANI ISRAIL DAN PENENTANGAN MEREKA**

Penentangan Bani Israil yang paling kuat ialah ketika perutusan Nabi Isa AS sebagai Rasul penutup bagi Bani Israil tersebut. Hal ini kerana terdapat berbezaan yang ketara syariat yang dibawanya dengan syariat Nabi Musa AS dalam beberapa segi. Hal ini antara sebab utama penentangan mereka terhadap Nabi Isa AS (surah *Ali 'Imran*, 3: 50). Namun, Allah SWT memperkuat Nabi Isa dengan pelbagai mukjizat yang banyak antaranya:

- (1) Dapat berkata-kata sekalipun masih bayi di dalam buaian (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).
- (2) Menghidupkan kembali orang yang mati (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).

- (3) Menciptakan sesuatu yang berbentuk burung dari tanah liat, lalu ia meniupnya dan jadilah sesuatu itu burung yang hidup dengan seizin Allah SWT (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).
- (4) Menyembuhkan berbagai jenis penyakit seperti buta dan sopak (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).
- (5) Dipeliharai oleh Allah SWT daripada dibunuh oleh kaum Bani Israil (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).
- (6) Mampu menceritakan hal ghaib.
- (7) Memperkukuhkan dakwahnya dengan Roh al-Qudus, iaitu malaikat Jibril (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).
- (8) Diajar membaca dan menulis kitab Taurat dan Injil (surah *al-Ma'idah*, 5: 110).

Semua mukjizat ini adalah untuk membuktikan kebenaran ajaran yang dibawah oleh-Nya selain memperkukuhkan Nabi Isa AS dalam menghadapi penentangan kaum Bani Israil disebabkan terdapat perbezaan syariat antara syariatnya dalam Kitab Injil dengan syariat Nabi Musa AS dalam kitab al-Taurat. Terdapat dalam kalangan ulama kaum Bani Israil ini sangat berpegang kepada kitab al-Turat tersebut menyebabkan mereka sukar menerima kedatangan Nabi Isa dengan membawa syariat yang baru.

## **PERBEZAAN ANTARA KEYAKINAN BANI ISRAIL DAN TINDAKAN KAUM BANI ISRAIL TERHADAP PENGUTUSAN NABI MUHAMMAD SAW**

Umat manusia dan umat Islam perlu mengetahui dan memahami bahawa Kaum Bani Israil sangat berkeyakinan akan kewujudan Nabi Muhammad SAW yang akan diutus sebagai Nabi dan Rasul yang terakhir dengan bukti berikut:

- (1) Kaum Bani Israil mengenali ciri dan sifat Nabi Muhammad SAW sebagaimana mereka mengenali sifat anak-anak mereka sendiri

(surah *al-Baqarah*, 2: 146). Kenyataan ini membawa maksud bahawa kaum Bani Israil sangat mengenali ciri Nabi Muhammad SAW sebagaimana seseorang ibu dan bapa yang mengenali sifat dan ciri anak mereka. Hal ini disebabkan seseorang ibu bapa menjaga anak mereka sejak bayi dan sehingga mereka berdikari. Oleh sebab itu, ibu bapa sangat memahami dan mengenali setiap ciri dan sifat anak mereka.

- (2) Kaum Bani Israil juga selalu bermohon kepada Allah SWT agar diutuskan kepada mereka Rasul dan Nabi yang dijanjikan untuk membantu memerangi musuh mereka (Surah *al-Baqarah*, 2: 89) dalam kalangan orang Arab khususnya kaum Aus dan Khazraj.

Ironinya, kaum Bani Israil sebaliknya melakukan perkara berikut dalam tindakan mereka ketika kedatangan Nabi Muhammad SAW:

- (1) Mengingkari Nabi Muhammad SAW disebabkan baginda bukan daripada keturunan Bani Israil, tetapi daripada keturunan Arab (Surah *al-Baqarah*, 2: 90-91).
- (2) Bukan sahaja mengingkari Nabi Muhammad SAW, tetapi juga al-Quran yang diturunkan kepada baginda SAW. Hal ini sekalipun terdapat bukti tentang al-Quran membenarkan kebenaran kitab Taurat dan Injil bahwa kedua-dua kitab ini diturunkan oleh Allah SWT kepada umat manusia sebelum al-Quran (Surah *al-Baqarah*, 2: 89-91; Jasmi, 2018b, 2018e; Ibn Jarir, 2001: 2/350). Oleh itu, umat Islam wajib beriman bukan sahaja kepada al-Quran, tetapi juga kepada kitab sebelum al-Quran. Mereka juga wajib beriman kepada Nabi Muhammad SAW dan kepada nabi sebelum baginda SAW. Sekalipun dalam mengamalkan agama mereka wajib mengikut syariat Nabi Muhammad SAW (Jasmi, 2018b, 2018c). Terbukti bahawa umat Islam lebih mudah menerima semua agama langit berbanding dengan kaum Bani Israil yang hanya menerima syariat Nabi Musa AS dalam kitab Taurat dengan menentang

kuat kepada ajaran Nabi Isa AS dan Nabi Muhammad SAW ketika kedua-dua era ini datang.

Oleh kerana itu, kaum Bani Israil dilaknak, dimurkai, dan dihina oleh Allah SWT berbanding dengan orang yang benar-benar kafir disebabkan orang kafir sememangnya tidak tahu sama tentang kebenaran Nabi Muhammad dan ajaran al-Quran yang menyebabkan mereka menjadi kafir. Sedangkan kaum Bani Israil pula sebaliknya, mereka adalah ahli kitab yang memahami dengan baik Nabi Muhammad SAW dan kebenarannya ajarannya, tetapi tidak mahu beriman disebabkan sifat sombong, dengki, dan irihati.

## **ROH AL-QUDUS DALAM SYARIAT NABI MUHAMMAD SAW**

Umat Islam dan umat manusia perlu mengetahui, memahami, dan mengimani bahawa malaikat Jibril:

- (1) Pembawa wahyu Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW (surah *al-Shu'ara'*, 26: 193-194; Al-Bayhaqi, 2009: 427; 2003b: 1141; 1991: 20; 2003a: 13443; Ibn 'Abd al-Barr, 1994: 2345; Al-Bughawi, 1983: 4110; Al-Shafi'i, 2004: 1798; Ja'far al-Madani, 1998: 368). Jibril yang turun membawa wahyu kepada Nabi Muhammad SAW sangat diketahui oleh orang Yahudi sekalipun mereka tidak mahu beriman kepada Baginda SAW (Ibn Jarir, 2001: 1489).
- (2) Membantu umat Islam dalam memerangi orang kafir hingga ke hari kiamat sebagaimana doa Nabi Muhammad SAW kepada Zayd bin Thabit agar beliau dibantu oleh Malaikat Jibril untuk bersyair untuk memerangan orang kafir menggunakan syairnya sama ada ketika SAW baginda masih hidup atau selepas kewafatan baginda SAW (Al-Bukhari, 2001: 3213, 6152; Muslim, t.th.: 2485, 2486; Al-Tabrani, 1994: 3580).

- (3) Roh al-Qudus juga boleh membawa erti Allah SWT sendiri yang membantu Rasul dan umat Islam; Malaikat Hafazah, iaitu penjaga malaikat; keberkatan; sesuatu yang mempunyai roh yang suci;

Ringkasnya dalam ajaran Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW, Jibril merupakan ketua para malaikat yang membawa wahyu daripada langit dunia kepada Baginda SAW secara beransur-ansu (Jasmi & Tamuri, 2011)r. Mereka juga ditugaskan untuk membantu umat Islam yang membangun dan memperjuangkan agama Islam (Al-Bukhari, 2001: 3213, 6152; Muslim, t.th.: 2485, 2486; Al-Tabrani, 1994: 3580).

## **RUMUSAN**

Perbincangan tafsiran ayat menyingkat sifat sebenar kaum Bani Israil terhadap pengutusan para Rasul oleh Allah SWT. Pada hakikatnya, kaum Bani Israil merupakan kaum yang suka mengikut keinginan mereka sendiri dalam beragama berbanding untuk mengikut kehendak Allah SWT. Oleh sebab itu, Allah SWT menyingkap sifat penentangan ini bagi mengajar umat manusia tentang sifat sebenar kaum ini. Oleh itu, umat Islam dan umat manusia perlu berhati-hati ketika berinteraksi dengan kaum Bani Israil ini kerana mereka sama sekali tidak akan hormat kepada bangsa lain daripada bangsa mereka sendiri sepertimana yang mereka lakukan kepada Nabi Muhammad SAW dan orang Arab.

## **RUJUKAN**

- Al-Asbahani, Ahmad. 2006. *Al-Tibb al-Nabawi*. Mustafa Khidr Dunamaz al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-2. T.T.P.: Dar Ibn Hazam.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 1991. *Ma'rifat al-Sunan wa al-Athar*. 'Abd al-Mu'ti Amin Qal'aji (Ed.). Jld. 1-15. Damsyiq: Dar Qutaybah.

- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003a. *Al-Sunan al-Kubra*. Muhammad ‘Abd al-Qadir ‘Ata (Ed.). Beirut: Dar al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2003b. *Sha‘b al-Iman*. ‘Abd al-‘Ali ‘Abd al-Hamid Hamid (Ed.). Jld. 1-14. Riyad: Maktabah al-Rushd li al-Nashr wa al-Tauzi‘.
- Al-Bayhaqi, Ahmad. 2009. *Al-Asma' wa al-Sifat li al-Bayhaqi*. ‘Abdullah bin Muhammad Al-Hashidi (Ed.). Jld. 1-2. Jedah, Saudi Arabia: Maktabah al-Sawadi.
- Al-Bazzar, Ahmad. 2009. *Musnad al-Bazzar*. Mahfuz al-Rahman Zain Allah, Sa‘ad, ‘Adil, & Sabri al-Shafi‘i ‘Abd al-Khaliq (Ed.). Jld. 1-18. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulum wa al-Hikam.
- Al-Bughawi, Al-Husain Mas‘ud. 1983. *Sharh al-Sunnah*. Shu‘aib Al-Arna‘ut & Muhammad Zuhair Al-Shawish (Ed.). Jld. 1-15. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Bukhari, Muhammad. 2001. *Al-Jami‘ al-Musnad al-Sahih al-Mukhtasar min Umur Rasulallah SAW wa Sunanihi wa Ayyamihi – Sahih al-Bukhari*. Muhammad Zuhair Nasir Al-Nasir (Ed.). Jld. 1-9. Masurah: Dar Tuq al-Najat.
- Al-Muttarriz, al-Qasim. 2000. *Fawa'id Abi Bakr al-Qasim al-Muttarriz wa Amaliyyah*. (Dirasah wa Tahqiq) Nasir Muhammad al-Mani‘ (Ed.). T.T.P: Dar al-Watan li al-Nasr wa al-Tawzi‘.
- Al-Sabuni. 1981. *Mukhtasar Ibn Kathir*. Jld. 1-3. Beirut-Lubnan: Dar al-Quran al-Karim.
- Al-Shafi‘i, Muhammad Idris. 2004. *Musnad al-Imam al-Shafi‘i (Tertib Sanjar)*. Mahir Yasin Fahl (Ed.). Al-Kuwait: Sharikat Guras li al-Nasr wa al-Tawzi‘.
- Al-Tabrani, Sulaiman Ahmad. 1994. *Al-Mu‘jam al-Kabir*. Hamdi ‘Abd al-Majid al-Salafi (Ed.). Jld. 1-25. Al-Qahirah: Maktabah bin al-Taymiyyah.

- Al-Tirmidhi, Muhammad 'Isa. 1998. *Al-Jami' al-Kabir - Sunan al-Tarmidhi*. Bashir 'Awad Ma'ruf (Ed.). Jld. 1-6. Beirut: Dar al-Girb al-Islami.
- Al-Zamkhasari, Mahmud. 1987. *Al-Kashshaf'an Haqa'iq Gawamidi al-Tanzil*. Jld. 1-4. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiy.
- Basmeih, Abdullah. 1999. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri.
- Ibn 'Abd al-Barr, Yusuf. 1994. *Jami' Bayan al-'Ilm wa Fadlihi*. Abu al-Ashbal al-Zahiri (Ed.). Jld. 1-2. Al-Mamlakah al-'Arabiyyah al-Sa'udiyah: Dar Ibn al-Jawzi.
- Ibn Abi Shaybah, Abu Bakr 'Abdullah. 1988. *Musannif ibn Abu Shaybah*. Kamal Yusuf Al-Hut (Ed.). Jld. 1-7. Al-Riyad: Al-Maktabah al-Rushd.
- Ibn al-Kathir, Ismail. 1999. *Tafsir al-Quran al-A'zim*. Jld. Juz. 1-4. Al-Qahirah: Dar al-Hadis.
- Ibn Bittah, Abu 'Abdullah. 1994. *Al-Ibanah al-Kubra li Ibn Bittah*. 'Abdullah Yusuf (Ed.). Jld. 6. Al-Riyad: Dar al-Rayah li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Ibn Jarir, Muhammad. 2001. *Tafsir Al-Tabari - Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Quran*. 'Abdullah bin 'Abd Al-Muhsin Al-Turkiyy (Ed.). Jld. 1-24. Yamamah: Dar Hijr li al-Tiba'ah wa al-Nasr wa al-Tawzi' wa al-I'lan.
- Ja'far al-Madani, Isma'il. 1998. *Hadith 'Ali bin Hajar al-Sa'adi 'an Isma'il bin Ja'far al-Madani*. 'Umar bin Rafud bin Rafid al-Sufyani (Ed.). Jld. 1. Al-Riyad: Maktabah al-Rusd li al-Nasr wa al-Tawzi' & Sharikat al-Riyad li al-Nasr wa al-Tawzi'.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018a. *Ciri Orang Kafir dan Munafiq: Al-Baqarah (2: 6-16)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 2hb. Ogos 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018b. *Ciri Orang yang Bertakwa: Al-Baqarah (2: 1-5)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran 26hb. Julai 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.

- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018c. *Ciri Orang Yang Bertakwa: Surah al-Baqarah (1: 1-5)*. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018d. *Kaum Bani Israil dan Balasan Keingkaran: Surah al-Baqarah (2: 58-61)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 20 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018e. *Kaum Bani Israil dan Peristiwa Anak Lembu: Surah al-Baqarah (2: 50-57)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 06 Disember 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2018f. *Keutamaan Adam dan Zuriatnya Sebagai Khalifah: Al-Baqarah (2: 30-33)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran. 27hb. September 2018. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019a. *Bani Israil dan Pengubahan Kitab Taurat: Surah al-Baqarah (2: 75-82)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 24 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019b. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Kertas Kerja dalam Siri 19: Program Budaya al-Quran, 14 Februari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019c. *Bani Israil dan Peristiwa Sembelihan Lembu: Surah al-Baqarah (2: 67-74)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 17 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019d. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Kertas Kerja dalam Budaya al-Quran, 31 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2019e. *Bani Israil dan Sumpahan Menjadi Kera: Surah al-Baqarah (2: 62-66)*. Kertas Kerja dalam

- Budaya al-Quran, 1 Januari 2019. Kolej Tun Fatimah, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021a. *Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul: Surah al-Baqarah (2: 87-92)*. Jld. 16. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi. 2021b. *Bani Israil dan Perjanjian dengan Allah SWT: Surah al-Baqarah (2: 83-86)*. Jld. 15. Skudai Johor: Akademi Tamadun Islam, FSSK, UTM.
- Jasmi, Kamarul Azmi, & Tamuri, Ab Halim. 2011. *Dasar Akidah Muslim*. Skudai Johor: Penerbit UTM.
- Muslim, al-Hajjaj. t.th. *Sahih Muslim*. Jld. 1-8. Beirut: Dar al-Fikr.

## INDEKS

- al-Baqarah*, i, ii, 3, 4, 5, 6, 8,  
16, 18, 20, 23, 24, 25, 26,  
27, 28, 31, 32, 33, 35, 36,  
38, 39, 44, 45
- Allah SWT, iv, v, 1, 4, 5, 6, 7,  
8, 11, 12, 13, 14, 15, 16,  
18, 19, 20, 21, 22, 23, 24,  
25, 26, 27, 28, 29, 30, 31,  
32, 33, 34, 35, 36, 37, 38,  
39, 40, 41, 45
- Bani Israil, i, 1, 4, 5, 7, 8, 12,  
15, 21, 22, 23, 26, 27, 28,  
30, 33, 35, 36, 37, 38, 39,  
41, 44, 45
- Hassan bin Thabit, 10, 11
- Islam, 47
- Jibril, 2, 4, 7, 9, 10, 11, 12,  
13, 14, 15, 16, 37, 39, 40
- Jibril AS, 7, 10
- Kitab Taurat, 2, 4, 5, 8, 15,  
16, 23, 25, 30, 31, 44
- mukjizat, 2, 4, 7, 8, 15, 30, 33,  
34, 37
- Muslim*, 47
- Nabi Isa AS, 4, 7, 13, 35, 37,  
39
- Nabi Musa AS, 4, 5, 30, 33,  
34, 35, 36, 37, 39
- perjanjian, 1
- Rasul, i, 1, 2, 4, 6, 7, 8, 16, 23,  
30, 32, 35, 37, 38, 40, 41
- Roh al-Qudus, 2, 4, 9, 10, 11,  
12, 13, 15, 35, 37, 39, 40
- Yahudi, 2, 6, 12, 18, 19, 23,  
24, 25, 27, 31, 33, 36, 40
- Zayd bin Thabit, 9, 10, 40

## BIODATA PENULIS

**Kamarul Azmi bin Jasmi** menjawat jawatan Professor Madya di Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia dan pernah berkhidmat sebagai guru Pendidikan Islam di SM Sains Miri. Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam, Ijazah Sarjana Pengajian Peradaban daripada Universiti Malaya, serta Ijazah Doktor Falsafah (Pendidikan Islam) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia.

Beliau aktif dengan aktiviti penulisan dalam jurusan Pendidikan Islam seperti buku, sumbangan bab dalam buku, jurnal serta penulisan kertas kerja di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Beliau menghasilkan beberapa buah buku karya individu dan karya bersama antaranya berjudul Pendidikan Wuduk Mazhab al-Shafii (2007), Pendidikan Islam: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (2007), Pembaharuan dalam Dunia Islam (2007) *Sekolah Agama Penjana Generasi Berakhlak* (2011), *Penyeliaan Guru Dalam Pengajaran & Pembelajaran* (2011), *Dasar Akidah Muslim* (2011), *Sekolah Agama di Malaysia: Sejarah, Isu & Cabaran* (2012), *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam* (2016), *Perspektif Baharu dalam Pengkaedahan Pendidikan Akidah di Malaysia* (2019), *Pembangunan Insan Soleh Menurut Perspektif Imam al-Nawawi* (2021) yang diterbitkan oleh Penerbit UTM serta *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz al-Quran* (2016) dan *Disiplin Puasa dalam Sekolah Ramadan* (2019) yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

**Siri Tafsir Sempena Budaya al-Quran**  
**Siri 16**  
**Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul**  
**Surah *al-Baqarah* (2: 87-92)**

Bani Israil dan Pengutusan Para Rasul, Surah *al-Baqarah* (2: 87-92), *Siri 16* merupakan siri buku tafsir al-Quran bersempena dengan Program Budaya al-Quran yang dilaksanakan oleh Pusat Islam, Universiti Teknologi Malaysia. Sikap sebenar kaum Bani Israil disingkap oleh Allah SWT dengan penjelasan bahawa kaum ini sama sekali tidak akan ingin untuk beriman kepada Nabi Muhammad SAW sekalipun dibentangkan pelbagai bukti kenabian. Buku ini menggunakan kaedah kajian kepustakaan untuk mengupas tafsiran ayat surah al-Baqarah (2: 87-92) daripada kitab tafsir turath Islam. Hasil dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat pengajaran penting yang boleh diambil oleh umat Islam dan umat manusia iaitu sebab utama kaum Bani Israil menjadi penentang tegar para nabi; pengutusan Nabi Isa AS kepada kaum Bani Israil dan penentangan mereka; perbezaan antara keyakinan Bani Israil dan tindakan mereka terhadap pengutusan Nabi Muhammad SAW; dan Roh al-Qudus dalam syariat Nabi Muhammad SAW.



ISBN 978-967-2171-84-3

